



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of Education,
Faculty of Social Sciences
and Humanities

UHS 1022 - 73 (FALSAFAH DAN ISU SEMASA)

SEMESTER 1, 2020/21

TUGASAN INDIVIDU

TAJUK: WEBINAR WACANA DEKOLONISASI INTELEKTUAL

NAMA PENUH: MUHAMMAD DINIE HAZIM BIN AZALI

MATRIK: A20EC0084

KURSUS/SECT: FALSAFAH DAN ISU SEMASA (SECTION 73)

TEL: 017-7575808

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

ISI

1.0 PENDAHULUAN	1
2.0 KOLONISASI.....	1
2.1 MAKSUD.....	1
2.2 KESAN.....	1
3.0 DEKOLONISASI	1
3.1 MAKSUD.....	1
3.2 JENIS	1
3.2.1 DEKOLONISASI FIZIKAL	1
3.2.2 DEKOLONISASI PEMIKIRAN.....	2
3.3 SEBAB	2
3.4 PROSES	2
3.5 UNDANG-UNDANG	2
4.0 KESIMPULAN.....	2

1.0 PENDAHULUAN

Dekolonisasi merupakan suatu proses yang berlaku kepada negara-negara yang pernah menjadi tanah jajahan oleh kuasa luar. Istilah-istilah lain yang kita perlu ketahui bagi memahami dekolonisasi ini dengan lebih baik ialah kolonisasi, dekolonisasi dan kolonisasi baharu.

2.0 KOLONISASI

2.1 MAKSUD

Kolonisasi merupakan suatu idea dan usaha yang dilakukan oleh para penjajah yang merujuk kepada ideologi yang terdapat di Barat untuk dibawa ke negara-negara yang ingin mereka jajahi. Kolonisasi juga dikaitkan dengan usaha yang dilakukan oleh para penjajah untuk mendapatkan sumber asli seperti timah, arang batu, minyak dan sebagainya bagi memenuhi keperluan industry mereka. Selain itu, hal ini juga dikaitkan dengan usaha para penjajah untuk mendapatkan keperluan tenaga manusia melalui sistem perhambaan.

2.2 KESAN

Antara kesan yang berlaku daripada kolonisasi ini ialah berlakunya perhambaan akal budi kepada rakyat negara yang telah dijajah. Seterusnya, ramai rakyat daripada negara yang dijajah akan menganggap segala perkara yang datangnya dari Barat adalah bagus dan baik untuk mereka. Akhir sekali ialah kesan kolonisasi ini akan melahirkan masyarakat yang mempunyai mentaliti kolonial.

3.0 DEKOLONISASI

3.1 MAKSUD

Dekolonisasi telah berlaku sejak daripada tamat peperangan pertama dan banyak negara telah mencapai kemerdekaan mereka selepas perang dunia kedua. Hal ini berlaku pada abad yang ke-20. Proses dekolonisasi berlaku melalui beberapa cara iaitu rundingan, peperangan melawan penjajah atau kedua-duanya sekali. Di negara kita sendiri, penentangan dilakukan melalui pemikiran yang dilakukan oleh para agamawan dan selepas itu dilakukan oleh para nasionalis tempatan.

3.2 JENIS

3.2.1 DEKOLONISASI FIZIKAL

Dekolonisasi fizikal ialah pembebasan fizikal kita daripada terus dikawal atau berada di bawah jajahan kuasa luar. Sebagai contoh dekolonisasi fizikal ialah pembebasan negara kita daripada terus dijajah oleh Inggeris melalui proses

rundingan yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat dan wakil-wakil raja Melayu ke London.

3.2.2 DEKOLONISASI PEMIKIRAN

Dekolonisasi pemikiran pula bermaksud membebaskan diri daripada pengaruh penjajah dari sudut pemikiran. Jika kita lihat pada masa kini, rakyat kita masih lagi dipengaruhi minda mereka oleh budaya-budaya Barat. Hal ini kerana rakyat kita kurang memartabatkan Bahasa Melayu dan muzik irama Melayu semakin dipinggirkan pada masa kini.

3.3 SEBAB

Sebab-sebab proses dekolonisasi ini dilakukan adalah kerana para penjajah telah merampas hasil bumi daripada dinikmati sendiri oleh penduduk tempatan. Di samping itu, usaha ini turut dilakukan kerana rakyat di sesebuah negara itu mahukan negara mereka dikawal oleh penduduk tempatan dan bukannya orang asing.

3.4 PROSES

Setelah pejuang tempatan berjaya mendapatkan semula penguasaan terhadap negara, pertama sekali mereka telah memastikan bahwa kuasa autonomi telah dikembalikan sepenuhnya terhadap penduduk tempatan. Mereka juga telah memastikan bahawa negara mereka telah mendapat pembebasan yang sepenuhnya daripada para penjajah.

3.5 UNDANG-UNDANG

Setelah proses dekolonisasi berjaya, undang-undang di negara kita telah disesuaikan mengikut kehendak rakyat dan perlembagaan negara kita. Seterusnya, sempadan atau wilayah bagi negeri dan negara telah diletakkan sebaiknya bagi mengelakkan sebarang masalah. Akhir sekali ialah penduduk tempatan mempunyai kuasa untuk menentukan pemilik dari segi ekonomi dan sumber asli tanpa mengharapkan syarikat-syarikat asing.

4.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, bagi mencapai proses dekolonisasi secara menyeluruh, kita sebagai rakyat Malaysia perlulah memartabatkan lagi bahasa dan budaya kita agar dapat bersaing dengan bahasa dan budaya orang lain. Elakkan daripada terlalu mengagungkan budaya luar sehinggakan budaya sendiri terabai bak kata pepatah kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan.